KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN AKHBAR THINKTANK@KKDW 6 JANUARI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Buletin TV3
TAJUK	**Ahmad Zahid mahu wujudkan platform 'think tank' untuk penyelidikan desa**
PAUTAN	https://www.buletintv3.my/nasional/ahmad-zahid-mahu-wujudkan-platform-think-tank-untuk-penyelidikan-desa/

NASIONAL

Ahmad Zahid mahu wujudkan platform 'think tank' untuk penyelidikan desa

06 Januari 2026, 12:19pm



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berucap ketika Majlis Amanat Tahun Baharu KKDW 2026 di Putrajaya. FOTO NSTP

Oleh: Syafiqah Damanhuri

PUTRAJAYA: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berhasrat membawa pembangunan desa ke tahap lebih tinggi dengan berani mengubah cara berfikir, memperbaharui cara bekerja, dan meninggalkan zon selesa.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, berkata inilah antara anjakan pemikiran kementeriannya yang bakal dilaksanakan pada tahun 2026.

"Saya mahu diwujudkan satu platform pemikiran strategik yang berfungsi sebagai think tank atau pusat penyelidikan desa.

"Insya-Allah, platform ini akan menjadi rujukan dasar yang memandu gerak kerja kementerian secara lebih berfokus dan berasaskan bukti, selain berperanan mendokumentasikan pencapaian desa melalui penerbitan jurnal, laporan, dan buku untuk tatapan umum," ujarnya.

Beliau berucap demikian pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2026 di KKDW di sini, hari ini.



POPULAR

NASIONAL 12 Julai 2026, 1:00am
1 PRN Johor 2026 | Senarai penuh keputusan rasmi

FOKUS 11 Julai 2026, 11:05pm
2 [LANGSUNG] Keputusan terkini Pilihan Raya Negeri Johor 2026

FOKUS 11 Julai 2026, 6:33pm
3 PRN Johor (TIDAK RASMI): BN dahului kiraan undi awal, pos

FOKUS 12 Julai 2026, 1:40am
4 PRN Johor: BN peroleh 48 kerusi DUN, PH 8 kerusi – SPR

FOKUS 11 Julai 2026, 10:52pm
5 PRN Johor: BN peroleh 29 kerusi DUN, PH 2 kerusi – SPR



TERKINI

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

Tahun ini juga sempena pengisytiharan Hari Pembangunan Luar Bandar Sedunia pada 6 Julai oleh Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia akan memperkenalkan sambutan yang sama pada tahun ini.

"Saya mahu sambutan ini, selain mempromosi pembangunan luar bandar, juga merangkumi aspek inovasi komuniti, pendigitalan desa, dan pembangunan usahawan," katanya.

Selain itu, beliau turut menggariskan lima fokus utama hala tuju KKDW untuk tahun ini yang berteraskan lima 'P' iaitu 'People', di mana mobiliti sosial menjadi teras pembangunan desa yang mesti bermula dengan manusia.

'Place', di mana desa dilihat sebagai kluster pertumbuhan, 'Productivity', dengan tumpuan kepada pendapatan yang stabil dan berterusan.

'Prosperity', yang menekankan aspek kesejahteraan, dan 'Prophetic', iaitu berasaskan nilai Rasulullah SAW sebagai pedoman kepimpinan.



Cerita culik palsu bawa kepada siasatan kes buli
14 Julai 2026, 1:34pm



FOKUS
Zambry wakili Malaysia zahir penghormatan terakhir kepada bapa Emir Qatar
14 Julai 2026, 1:28pm



FOKUS
Bendung anasir subversif, Malaysia-Thailand perhebat kerjasama
14 Julai 2026, 1:23pm



FOKUS
Pasport baharu Malaysia catat 28,000 pengeluaran – JIM
14 Julai 2026, 1:20pm